

DARI HASHIM MAKARUDDIN

1979

MILAN, 27 APRIL (BERNAMA)—MALAYSIA TELAH BERJAYA MENARIK MINAT PARA PELABUR SEDERHANA MENANAM MODAL DI MALAYSIA BERIKUTAN LAWATAN ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE UNITED KINGDOM, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN DAN ITALI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA DAN RTM DALAM SATU TEMURAMAH DI SINI KEHADIRIAN PARA PESERTA DI BERBAGAI SEMINAR DI MANCHESTER DAN MILAN ADALAH DI LUAR JANGKAAN.

KATANYA, BUAT MASA INI PELABURAN DI MALAYSIA DILAKUKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA YANG MENGETAHUI DENGAN JELAS PERATURAN PELABURAN DI SEBERANG LAUT.

BAGAIMANAPUN, DARI BILANGAN BESAR PELABUR SEDERHANA YANG MENGHADIRI SEMINAR TERUTAMANYA DI MUNICH DAN MILAN, MALAYSIA TELAH BERJAYA MENTEROKA SATU SUMBER PELABURAN YANG BARU YANG BELUM PERNAH MELABUR DI LUAR NEGERI SEBELUM INI.

PARA PELABUR INI, JELAS BELIAU, TIDAK MEMPUYAI PENGETAHUAN YANG CUKUP MENGENAI MALAYSIA.

+DARI SOALAN DAN PERTANYAAN YANG DIJUAL, MEREKA SEKARANG SEDAR TENTANG KEMUNGKINAN MELUASKAN PERNIAGAAN MEREKA DI LUAR NEGERA MASING-MASING, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. —BERSAMBUNG 2050/MD

PELABUR 2 MILAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENEGASKAN PELABUR-PELABUR TERSEBUT TERTARIK HATI DENGAN CARA MALAYSIA MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIANNYA DENGAN BERKESAN.

SEBAGAI CONTOH, SETENGAH-SETENGAH PROJEK BOLEH DIMULAKAN LIMA BULAN SELEPAS DILULUSKAN OLEH LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DAN PEMFINAAN KILANG BOLEH DISIAPKAN LEBIH AWAL DARI DIJADUALKAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMULAKAN PENGELUARAN DENGAN BERKESAN.

BELIAU BERKATA DI EROPAH INI TIDAK BOLEH DILAKSANAKAN BUKAN KERANA BERBAGAI SEKATAN YANG DIKENAKAN OLEH KERAJAAN TETAPI OLEH SEBAB KEADAAN YANG WUJUD DI SANA.

BELIAU MENAMBAH HASIL DARI GAMBARAN JELAS YANG DIBERIKAN KEPADA MEREKA, PARA PELABUR BERKENAAN KINI SUNGGUH-SUNGGUH BERMINAT UNTUK MELABUR DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT BILANGAN PESERTA SEKTOR SWASTA MALAYSIA YANG RAMAI DI SEMINAR-SEMINAR YANG DIADAKAN ITU AKAN MENDATANGKAN HASIL YANG POSITIF DARI HUBUNGAN LANGSUNG DAN PERTEMUAN INDIVIDU DENGAN RAKAN SEJAWAT MEREKA DI SANA. — BERSAMBUNG 2055/MD

PELABUR 3 MILAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA DUA ROMBONGAN PELABURAN MENGANDUNGI WAKIL-WAKIL SEKTOR SWASTA DARI BAVARIA DI REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN AKAN MELAWAT MALAYSIA PENGHUJUNG TAHUN INI.

SATU LAGI MISSI YANG SERUPA DIPIMPIN OLEH MENTERI EKONOMI NEGARA ITU, ENCIK ANTON JAUMANN, AKAN JUGA MELAWAT MALAYSIA.

BELIAU MENEGASKAN SEKALI LAGI PENTINGNYA MALAYSIA MENGHANTAR ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE LUAR NEGERI DAN MENGEMASKINIKAN KEMPEM GALAKANNYA BAGI MENCAPAI HASIL YANG DIKEHENDAKI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ROMBONGAN ITU TIDAK SEHARUSNYA DIPIMPIN OLEH BELIAU SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA ROMBONGANNYA AKAN BERLEPAS PULANG KE TANAH AIR ESOK. —BERNAMA 2058/MD